

## Applying Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah to Foster Youth Development in Alignment with Brunei Vision 2035

Ibnor Azli Ibrahim  
Awangku Muhammad Hafiy Nasrullah Pg Hj Inderaani  
Hayattuddin Hj Moxsin  
Norasiah Ag. Haji Amai

Fakulti Syariah  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  
Negara Brunei Darussalam  
Email:tesyekkur@gmail.com

### Abstract:

Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah is one of the supporting methods in legal Istinbat. These principles are used by the jurists to make it easier for them to provide appropriate laws for problems that are diverse but have similarities. The challenges faced by the Islamic world today, including the country of Brunei Darussalam, require the input of ideas and a general framework to make it easier for a goal to be achieved. To what extent is Qawaid Fiqhiyyah able to provide useful input towards achieving Wawasan Brunei 2035. This study aims to find out how Qawaid Fiqhiyyah can develop teenagers who are in line with the goals of Wawasan Brunei 2035. This study was also made to find out several Qawaid Fiqhiyyah that can be used to frame a plan of action for the formation of adolescent personality and also to find out the steps needed so that they can achieve Wawasan's goals. Brunei 2035. To achieve this goal, this study will use library study methods. The results of this study found that Qawaid Fiqhiyyah is a method that can support the development of teenagers in this era in terms of management ideas and strategies.

**Keywords:** Qawaid Fiqhiyyah; youth development; Brunei Insight 2035.

### Abstrak:

*Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah* merupakan salah satu kaedah sokongan dalam Istinbat hukum. Kaedah-kaedah tersebut digunakan oleh para *fuqaha* untuk memudahkan mereka memberikan hukum yang sesuai terhadap masalah-masalah yang berbagai tetapi memunyai persamaan. Cabaran yang dihadapi oleh dunia Islam kini termasuk negara Brunei Darussalam memerlukan kepada masukan ide dan kerangka umum untuk memudahkan sesuatu tujuan dicapai. Sejauh manakah *Qawaid Fiqhiyyah* mampu memberikan masukan berguna ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana *Qawaid Fiqhiyyah* ini dapat membangun para remaja yang bersesuaian dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Kajian ini juga dibuat untuk mengetahui beberapa *Qawaid Fiqhiyyah* yang boleh digunakan untuk merangka satu pelan tindakan pembentukan keperibadian remaja dan juga untuk mengetahui langkah-langkah yang diperlukan agar ia dapat mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Hasil kajian ini mendapati bahawa *Qawaid Fiqhiyyah* adalah merupakan satu kaedah yang boleh menyokong pembangunan remaja di zaman ini di sudut ide pengurusan dan strategi.

**Kata Kunci:** *Qawaid Fiqhiyyah*; pembangunan remaja; Wawasan Brunei 2035.

## PENDAHULUAN

Remaja adalah merupakan salah satu aset utama dalam sebuah negara. Ini kerana mereka akan menjadi bakal pemimpin dan pengganti untuk generasi baru.<sup>1</sup> Pembangunan remaja merupakan aspek penting dalam usaha untuk mencapai Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang maju, berpendidikan tinggi, dan mempunyai masyarakat yang sejahtera serta berakhlak mulia. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, tumpuan diberikan kepada pembentukan generasi muda yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mampu memberikan sumbangan yang positif dari aspek sosial, ekonomi dan moral.<sup>2</sup> Dalam usaha untuk pembangunan yang lebih berkesan, pendekatan yang lebih menyeluruh berasaskan nilai-nilai moral dan etika dapat digunapakai. Salah satu pendekatan yang berpotensi adalah dengan merujuk kepada *Qawaid Fiqhiyyah*, iaitu kaedah-kaedah hukum yang digunakan dalam Istibat untuk memudahkan seseorang faqih membandingkan antara masalah yang bersamaan. Kaedah-kaedah ini tidak hanya meliputi aspek ibadah, tetapi juga meliputi panduan yang mudah dalam menguruskan berbagai aspek kehidupan termasuk sosial dan ekonomi serta termasuk hal pembangunan remaja.<sup>3</sup> Oleh itu, penggunaan *Qawaid Fiqhiyyah* dalam pembangunan remaja menjadi sangat relevan, kerana ia memberikan asas yang kukuh berdasarkan kaedah-kaedah Islam dalam membentuk individu yang mampan dari segi rohani, jasmani, dan intelektual. *Qawaid Fiqhiyyah* ini tidak hanya terhad kepada peraturan agama, tetapi juga menyediakan panduan dalam menangani isu-isu sosial dan kemanusiaan yang dihadapi oleh remaja dalam dunia yang semakin kompleks. Dengan penggunaan kaedah-kaedah fiqh yang mengutamakan kemaslahatan umum, keadilan, kebajikan, remaja dapat dibimbing untuk berkembang secara menyeluruh, agar mereka menjadi pemimpin yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia.<sup>4</sup> Oleh itu, penggunaan *Qawaid Fiqhiyyah* dalam pembangunan remaja bukan sahaja penting untuk pembentukan individu, tetapi juga untuk menjamin kemajuan dan kestabilan sosial yang

---

<sup>1</sup>) Mohammad Muslihuiddin Syah. (2019). Penerapan Nilai Akhlak Dalam Menjana Pembangunan Belia. *Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau*. Seri Begawan Religious Teachers University College. Hal.4.

<sup>2</sup>) Sila rujuk pada; <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/sitepages/new-goal-1.aspx> & <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=221&ContentTypeId=0x0100AB69AA555002494AB2FB40905279B027> & Jabatan Perdana Menteri. (n.d). *Wawasan Brunei 2035: How to Wawasan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri. Hal.4.

<sup>3</sup>) Ahmad bin Muhammad Az-Zarqa. (1938). *Syarhu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Beirut: Darul Qalam. (2). Hal.35.

<sup>4</sup>) Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarhi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Fi As-Syariah Al-Islamiyyah*. 1 (ed.). Beirut: Muassasah Ar-Risalah. Hal.7.

berterusan di Brunei Darussalam. Melalui pendekatan ini, pembangunan remaja dapat diteruskan dalam kerangka nilai-nilai Islam yang mengutamakan kesejahteraan bersama, dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

## PENGENALAN

Istilah *Qawaid* (قواعد) merupakan istilah bahasa arab yang mana pengertiannya dari segi bahasa adalah ((أصل الأس), iaitu sesuatu yang menjadi dasar atau akar kepada sesuatu perkara.<sup>5</sup> Pengertian ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran:

وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿127﴾

Maksudnya:

*"Dan (ingatlah) Ketika Ibrahim meninggikan (membina) asas-asas Baitullah bersama Ismail (seraya berdoa): 'Ya Tuhan kami, terimalah dari kami (amalan kami), sesungguhnya Engkau (Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui).'"*<sup>6</sup>

Adapun dari segi istilah, *Qawaid* adalah prinsip umum yang boleh digunakan dalam banyak situasi atau perkara kecil. Ia adalah peraturan yang luas dan merangkumi banyak cabang atau isu yang menghubungkan pelbagai perkara yang berkaitan di bawah satu asas yang sama.<sup>7</sup> Istilah *Fiqhiyyah* pula merujuk kepada segala hal yang berkaitan dengan fiqh, iaitu ilmu yang mengkaji hukum-hukum Islam berdasarkan Al-Quran, Sunnah, *Ijma'* dan *Qiyas*.<sup>8</sup>

Manakala istilah *Qawaid Fiqhiyyah* adalah kaedah-kaedah umum dalam ilmu fiqh yang digunakan untuk menerangkan masalah hukum secara meluas dan yang berlaku dalam berbagai situasi. *Qawaid Fiqhiyyah* ini bersifat dasar dan merangkumi aturan-aturan yang dapat digunakan pada berbagai kejadian yang tidak dijelaskan secara langsung dalam nas Al-Quran dan Hadith.<sup>9</sup> Terdapat 5 *Qawaid Fiqhiyyah* utama yang juga digelar sebagai 'القواعد الفقهية الكبرى'. Ia bersifat umum, tetapi tidak merangkumi semua perincian cabang hukum yang terlalu banyak dan spesifik. 5 kaedah utama yang disepakati oleh jumhur ulama dan mazhab syafi'i tersebut itu ialah:

<sup>5</sup>) Ali Ahmad An-Nadwi. (1994). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. 3 (ed.). Damasyik: Dar Al-Qolam. Hal.37.

<sup>6</sup>) Surah Al-Baqarah, ayat:127.

<sup>7</sup>) Ali Ahmad An-Nadwi. (1994). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. 3 (ed.). Hal.38.

<sup>8</sup>) Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Mabadi 'Ilmu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p). Hal.14.

<sup>9</sup>) Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Nazharat Fi 'Ilmi Al-Qawaid*. (n.p). Hal.18.

1. (اليقين لا يزول بالشك), iaitu keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan,
2. (المشقة تجلب التيسير), iaitu kesusahan membolehkan kemudahan,
3. (الضرر يزال), iaitu perkara yang memberi mudharat itu hendaklah dihilangkan,
4. (العادة محكمة), iaitu adat kebiasaan itu ditetapkan sebagai hukum,
5. (الأمر بمقاصدها), iaitu segala sesuatu itu tergantung pada niat.

Kelima-lima kaedah tersebut adalah kaedah utama yang disepakati oleh para ulama kerana ia merangkumi prinsip asas dalam menetapkan hukum-hakam Islam iaitu bersumberkan Al-Quran dan Sunnah. Ia juga menjadi panduan dalam menangani pelbagai isu fiqh, memudahkan pemahaman syariah, serta relevan untuk diamalkan dalam kehidupan harian umat Islam, termasuk pembangunan remaja.

Tujuan *Qawaid Fiqhiyyah* adalah untuk memudahkan proses *Ijtihad* dalam menghadapi masalah-masalah baru dan kontemporari dengan merujuk pada kaedah-kaedah umum yang sudah disepakati oleh para ulama. Akan tetapi, hukum yang dikeluarkan dengan *Qawaid Fiqhiyyah* itu bukanlah hukum yang tetap. Dengan demikian, *Qawaid Fiqhiyyah* berfungsi sebagai panduan yang fleksibel dalam menyelesaikan persoalan hukum Islam yang tidak dijelaskan secara langsung.<sup>10</sup>

Adapun remaja menurut *World Health Organization (WHO)*, mereka adalah individu yang berumur diantara 10 hingga 19 tahun.<sup>11</sup> Ini juga merupakan fasa yang penting untuk individu kerana ianya adalah fasa peralihan dari kanak-kanak ke dewasa dan pada fasa inilah juga terjadinya perkembangan secara fizikal, emosi dan pemikiran yang akan memberi kesan tentang cara mereka berinteraksi dengan dunia nyata.

Belia di Negara Brunei Darussalam, menurut Dasar Belia Negara, merupakan kelompok rakyat dan penduduk yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Jika dibandingkan dengan nisbah penduduk, golongan ini mewakili jumlah yang paling ramai atau majoriti bagi jumlah keseluruhan penduduk di Brunei. Ini secara tidak langsung menandakan majoriti penduduk adalah golongan muda, dan lebih penting akan mengemudi negara pada masa akan datang.<sup>12</sup>

Dalam konteks Wawasan Brunei 2035, pembangunan remaja adalah kunci kepada pencapaian

---

<sup>10</sup>) Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarhi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Fi As-Syariah Al-Islamiyyah*. 1 (ed.). Hal.46.

<sup>11</sup>) 19/2/2025. World Health Organization. [https://www.who.int/health-topics/adolescent-health/#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/adolescent-health/#tab=tab_1) .

<sup>12</sup>) 19/2/2025. Pelita Brunei.

<https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=221&ContentTypeId=0x0100AB69AA555002494AB2FB40905279B027> .

matlamat negara. Matlamat Wawasan Brunei 2035 ialah untuk mencapai:<sup>13</sup>

1. Rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya,
2. Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi,
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Wawasan Brunei 2035 adalah satu rancangan pembangunan jangka panjang yang telah digariskan oleh kerajaan Brunei Darussalam dengan tujuan untuk memajukan negara dan mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi menjelang tahun 2035. Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan telah menggariskan 13 strategi utama yang selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Strategi tersebut adalah:<sup>14</sup>

1. Strategi Pendidikan yang akan mempersiapkan golongan muda untuk pekerjaan dan pencapaian dalam dunia yang semakin kompetitif dan berasaskan pengetahuan.
2. Strategi Ekonomi yang akan mewujudkan peluang pekerjaan baru untuk rakyat dan mengembangkan peluang perniagaan di dalam Brunei Darussalam melalui promosi pelaburan, domestik dan asing, baik dalam industri hiliran (*Downstream*) mahupun dalam kluster ekonomi di luar industri minyak dan gas.
3. Strategi Keselamatan yang akan melindungi kestabilan politik dan kedaulatan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan diplomatik serta kemampuan untuk bertindak balas terhadap ancaman penyakit dan bencana alam.
4. Strategi Pembangunan Institusi yang akan memperkukuhkan tadbir urus yang baik di sektor awam dan swasta, perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi, rangka kerja undang-undang dan peraturan yang moden dan pragmatik, serta prosedur kerajaan yang cekap yang melibatkan sedikit birokrasi kerja (*Red Tape*).
5. Strategi Pembangunan Perniagaan Tempatan yang akan meningkatkan peluang untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan serta membolehkan orang Melayu Brunei mencapai kepimpinan dalam perniagaan dan industri dengan membangunkan daya saing yang lebih tinggi.
6. Strategi Pembangunan Infrastruktur yang akan memastikan pelaburan berterusan oleh

---

<sup>13</sup>) 2/5/2025. Wawasan Brunei 2035. <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/faqs.aspx>

<sup>14</sup>) 20/2/2025. Wawasan Brunei 2035. <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/Our%20Strategy.aspx> . & 20/2/2025. Gov.bn.

<https://www.gov.bn/SitePages/Wawasan%20Brunei%202035.aspx#:~:text=The%20thirteen%20%2813%29%20strategies%20that%20have%20been%20identified,business%20development%2C%20%28vi%29%20infrastructure%20development%2C%20%28vii%29%20social%20> .

kerajaan dan melalui perkongsian sektor awam-swasta dalam membangunkan dan mengekalkan infrastruktur bertaraf dunia dengan penekanan khusus pada pendidikan, kesihatan, dan industri.

7. Strategi Jaminan Sosial yang memastikan bahawa, apabila negara berkembang, semua warganegara dijaga dengan baik.
8. Strategi Alam Sekitar yang memastikan pemeliharaan yang betul terhadap alam sekitar dan habitat budaya kita. Ia akan memberikan kesihatan dan keselamatan mengikut piawaian antarabangsa yang tertinggi.
9. Strategi Keagamaan yang memastikan bahawa tiang utama masyarakat kita, Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal-Jemaah, Mazhab Shafie' kekal kuat.
10. Strategi Kesihatan yang akan memastikan perkhidmatan kesihatan disasarkan kepada kawasan yang akan memberikan manfaat tertinggi untuk populasi kita, dengan penekanan pada pencegahan.
11. Strategi Pengoptimuman Tanah untuk menentukan keperluan perancangan penggunaan tanah industri dan komersial bagi mencapai diversifikasi ekonomi Brunei untuk jangka masa panjang, sehingga 2035 dan seterusnya.
12. Strategi Infrastruktur dan *ICT* untuk memastikan bahawa pembangunan infrastruktur yang bertaraf dunia dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) dapat mentransformasikan penyampaian perkhidmatan asas, mendorong inovasi, meningkatkan produktiviti, dan seterusnya memperkukuhkan daya saing negara.
13. Strategi Pengurusan Tenaga Kerja iaitu untuk menyediakan program pembangunan tenaga kerja yang relevan dengan keperluan industri, mempersiapkan pekerja untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pasaran buruh, mengembangkan kemahiran ke tahap yang kompetitif di peringkat antarabangsa dan meningkatkan taraf hidup individu.

Secara keseluruhannya, *Qawaid Fiqhiyyah* mempunyai peranan yang penting dalam memberi penyelesaian isu hukum Islam yang tidak dijelaskan secara langsung dalam nas Al-Quran dan Sunnah. Dalam konteks Wawasan Brunei 2035, pembangunan remaja adalah kunci untuk mencapai matlamat negara yang lebih maju, berpendidikan tinggi, dan berdaya saing. Dengan adanya 13 strategi utama yang telah digariskan, kerajaan Brunei Darussalam berusaha untuk memajukan negara agar dapat mencapai matlamat tersebut.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup>) 23/2/2025. Wawasan Brunei 2035. <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/wb35-framework.aspx>.

## HUBUNGAN ANTARA *QAWAID FIQHIYYAH* DENGAN PEMBANGUNAN KEPERIBADIAN DAN ROHANI REMAJA

Remaja merupakan satu fasa penting dalam kehidupan manusia yang penuh dengan cabaran dan perubahan, baik dari segi fizikal, emosi mahupun spiritual. Pada peringkat ini, remaja sering mencari identiti diri dan makna kehidupan, sambil terdedah kepada pelbagai pengaruh luar yang boleh membentuk atau merosakkan pendirian mereka. Dalam konteks Islam, pembangunan keperibadian dan rohani remaja perlu berlandaskan kaedah-kaedah syariah yang kukuh, di mana *Qawaid Fiqhiyyah* mempunyai peranan yang signifikan.<sup>16</sup>

*Qawaid Fiqhiyyah* merangkumi kaedah-kaedah hukum Islam yang diambil dari Al-Quran, Hadith, dan sumber-sumber lain dan bukan sahaja memberikan panduan dalam hal-hal ibadah dan mu'amalat, tetapi juga boleh menjadi asas dalam membentuk keperibadian dan kerohanian yang seimbang.

Melalui *Qawaid Fiqhiyyah*, para remaja dapat memahami nilai-nilai murni seperti keadilan, amanah, dan belas kasihan, serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Selain itu, kaedah ini juga membantu remaja menghadapi cabaran moden dengan pendekatan yang berlandaskan syariat, sekaligus dapat melindungi mereka daripada pengaruh negatif yang boleh merosakkan akhlak dan keperibadian mereka.<sup>17</sup> Oleh itu, hubungan antara *Qawaid Fiqhiyyah* dengan pembangunan peribadi dan rohani remaja adalah sangat erat dan perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak, termasuk ibu bapa, pendidik, dan masyarakat. Namun, bagaimana pula *Qawaid Fiqhiyyah* boleh membantu dalam membangun keperibadian dan rohani remaja?

Berikut adalah beberapa aspek hubungan antara *Qawaid Fiqhiyyah* dengan pembangunan peribadi dan rohani remaja:

### 1. Panduan moral dan etika

Pendekatan *Qawaid Fiqhiyyah* dalam pembangunan remaja dapat menjadi satu asas yang kukuh dalam pembentukannya moral dan etika. Ini kerana *Qawaid Fiqhiyyah* merupakan salah satu prinsip dalam Fiqh. Manakala ilmu Fiqh bukan hanya menerangkan tentang hukum-hakam semata-mata,

---

<sup>16</sup>) Muhammad Haziq Bin Saharuddin & Sahlawati Abu Bakar. (2018). Konsep Keperibadian Remaja Menurut Perspektif Al Quran. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*. Hal.144.

<sup>17</sup>) Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Keperibadian Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal Of Social Sciences and Humanities*. Vol.17(9). Hal.77.

tetapi ia mempunyai peranan dalam membentuk tingkah laku dan pemikiran remaja. Dengan adanya ilmu Fiqh dan *Qawaid Fiqhiyyah* itu, ia boleh membantu para remaja ataupun belia dalam berfikir secara kritikal ketika hendak membuat suatu keputusan.<sup>18</sup> Pendekatan ini menunjukkan tentang betapa pentingnya integrasi diantara nilai-nilai Islam dan juga dengan realiti kehidupan kontemporari ini. Dengan ini, ia boleh membantu remaja untuk menjalani kehidupan seharian dengan bermodalkan prinsip moral yang jelas.

Pendekatan *Qawaid Fiqhiyyah* juga mempunyai peranan dalam membentuk kesedaran remaja ketika hendak membuat keputusan dan suatu tindakan. Remaja diajar untuk mempertimbangkan kesan perbuatan mereka terhadap diri sendiri, masyarakat dan juga persekitaran mereka. Dalam era digital ini, terdapat pelbagai bentuk cabaran dan benda-benda yang boleh mempengaruhi tindakan dan pemikiran remaja. Namun, dengan penggunaan kaedah-kaedah fiqh yang betul akan mengajar mereka untuk membuat pilihan yang bijak dalam penggunaan media sosial, pergaulan, dan pengurusan masa.<sup>19</sup>

## 2. Penyelesaian masalah secara bijaksana

Pendekatan kaedah-kaedah fiqh termasuk *Qawaid Fiqhiyyah* dalam pembangunan remaja memberikan cara yang unik dalam menyelesaikan masalah. Dengan menggabungkan keistimewaan Islam dan realiti kehidupan moden, kaedah-kaedah Fiqh boleh mengajar remaja untuk menghadapi cabaran atau membuat keputusan dengan menyeimbangi antara tuntutan syariat dan keperluan semasa, sekaligus membentuk pemikiran yang kreatif dalam menyelesaikan masalah.

Begitu juga dengan *Qawaid Fiqhiyyah*, ia boleh mengajar para remaja tentang cara aplikasi kaedah untuk situasi tertentu. Seperti contoh, apabila mereka perlu menilai diantara dua benda yang tidak elok atau buruk, mereka boleh menggunakan *Qawaid Fiqhiyyah* sebagai panduan seperti contoh kaedah "يختار أهون الشرين".<sup>20</sup> Dengan menggunakan *Qawaid Fiqhiyyah* seperti ini, remaja yang memahami konsep ini akan lebih cenderung menyelesaikan masalah melalui dialog dan musyawarah berbanding kekerasan atau tindakan ekstrem.

## 3. Pendidikan rohani dan kemahiran berfikir

---

<sup>18</sup>) Sitti Romlah & Rusdi. (2023). Pendidikan Agama Islam Sebagai Pilar Pembentukan Moral Dan Etika. *Al-Ibrah*. Vol.8 (30). Hal.72.

<sup>19</sup>) Syarifuddin. (2014). Hubungan Antara Hukum Dengan Moral Dalam Islam. *Tahkim*. Vol.10 (1). Hal.43.

<sup>20</sup>) Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarhi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Fi As-Syariah Al-Islamiyyah*. 1 (ed.). Hal.98.

Seperti yang diketahui, *Qawaid Fiqhiyyah* dibentuk daripada sumber-sumber utama syariat Islam seperti Al-Quran dan Sunnah.<sup>21</sup> Pendekatan *Qawaid Fiqhiyyah* dalam pendidikan rohani remaja berfungsi sebagai objek yang menghubungkan kaedah-kaedah syariat Islam dengan pembangunan spiritual dalam menyelesaikan masalah kontemporari. Lima kaedah utama (*Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*) menjadi asas dalam kebanyakan pembentuk kaedah-kaedah yang lain.<sup>22</sup>

Oleh itu, gabungan *Qawaid Fiqhiyyah* ini dengan kemahiran berfikir dapat melahirkan remaja yang mampu menganalisis isu agama secara kritikal, menilai pelbagai perspektif dengan adil dan melahirkan penyelesaian yang kreatif yang memenuhi tuntutan syarak serta keperluan zaman, sekaligus membentuk personaliti muslim yang seimbang antara kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual.

Secara kesimpulannya, *Qawaid Fiqhiyyah* membentuk keperibadian dan rohani remaja melalui kaedah-kaedah Islam. Ia membimbing remaja kearah pembentukan moral dan pemikiran yang selaras dengan prinsip Islam dan memberikan mereka peluang dalam berfikir secara kritikal dalam isu kontemporari. Ini juga selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang bukan sahaja ingin mencapai kemajuan negara, tetapi juga melahirkan bakal pemimpin yang berwibawa dalam masyarakat dengan berpandukan ajaran syariat Islam.

## **CABARAN DALAM MENGAPLIKASIKAN *QAWAID FIQHIYYAH* DALAM KALANGAN REMAJA**

Dalam era globalisasi yang dipenuhi dengan kemajuan teknologi dan perubahan sosial yang pantas, remaja Islam hari ini menghadapi pelbagai cabaran dalam mengamalkan kaedah-kaedah fiqh secara konsisten. *Qawaid Fiqhiyyah*, yang sepatutnya menjadi panduan hidup bagi setiap Muslim, seringkali dianggap sukar untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian akibat pengaruh persekitaran, media, dan budaya moden. Remaja yang sedang melalui fasa pembentukan identiti ini, mudah terpengaruh dengan nilai-nilai sekular, hiburan melampau, dan tekanan rakan sebaya, sehingga menyebabkan ruang diantara pengetahuan agama dan perbuatan harian semakin meluas.<sup>23</sup>

Keadaan ini diperburuk oleh kurangnya kefahaman tentang hikmah di sebalik turunnnya hukum

---

<sup>21</sup>) Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Mabadi 'Ilmu Al-Qawaid Al-Usuliyah*. (n.p). Hal.29.

<sup>22</sup>) Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarhi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Fi As-Syariah Al-Islamiyyah*. 1 (ed.). Hal.7.

<sup>23</sup>) Wilga Secsio Ratsja Putri, R. Nunung Nurwati, & Meilanny Budiarti S. (2019). Pengaruh Media Sosial Terhadap Perilaku Remaja. *PROSIDING KS: Riset & PKM*. Vol.3(1). Hal.50.

Islam, serta sokongan yang terhad daripada keluarga dan orang sekeliling. Ada yang melihat fiqh sebagai peraturan yang membataskan kebebasan, sedangkan ia sebenarnya bertujuan untuk menjaga kemaslahatan manusia agar tidak melampaui batas dalam sesuatu.<sup>24</sup> Berikut merupakan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh remaja dalam mengaplikasikan *Qawaid Fiqhiyyah*:

## 1) Pengaruh budaya pop dan media sosial

Pengaruh budaya pop dan media sosial merupakan antara cabaran terbesar remaja dalam mengaplikasikan *Qawaid Fiqhiyyah*. Dalam era digital ini, remaja terdedah kepada pelbagai bentuk media seperti TikTok, Instagram, dan YouTube yang kebanyakannya didominasi dengan nilai-nilai barat dan gaya hidup yang negatif dan memperburuk akhlak. Konten-konten seperti muzik, filem, dan tren viral sering mempromosikan pergaulan bebas, pakaian tidak menutup aurat dan tidak senonoh, serta hiburan melampau yang jelas bercanggah dengan keperibadian Islam.<sup>25</sup> Media sosial pula membentuk pemikiran remaja melalui algoritma-algoritma yang lebih mempromosikan konten sensasi, manakala tekanan rakan sebaya mendorong mereka mengikut tren terkini seperti fesyen tidak sopan atau aktiviti tidak bermoral. Lebih membimbangkan, ada yang memandang ringan isu halal dan haram dalam makanan dan hiburan akibat terpengaruh dengan gaya hidup terkini.<sup>26</sup> Oleh itu, pendekatan proaktif seperti pengawalan media oleh ibu-bapa, penyediaan alternatif hiburan yang Islami, serta perbincangan terbuka antara ibu bapa dan remaja amat diperlukan bagi mengukuhkan kefahaman mereka tentang kepentingan mengamalkan fiqh dalam menghadapi kehidupan moden ini.<sup>27</sup>

## 2) Kurangnya kefahaman mendalam tentang Fiqh

Kita telah ketahui bahawa ia merupakan suatu kewajipan bagi kita untuk mengetahui rukun iman dan juga rukun Islam kerana ia merupakan asas agama dalam diri seseorang itu. Akan tetapi, kefahaman yang cetek tentang agama juga menjadi sebab mengapa ia turut menjadi penghalang utama dalam pengamalan syariat secara menyeluruh. Ramai orang, bukan remaja sahaja, hanya mempelajari aspek-aspek fiqh secara rutin seperti cara solat dan puasa tanpa memahami falsafah

<sup>24</sup>) Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Mabadi 'Ilmu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p). Hal.15.

<sup>25</sup>) Fatimah Fatimah & Santi Aulia Rahma. (2025). Pengaruh Budaya Pop Global Terhadap Nilai dan Identitas Generasi Z pada Masa Kini. *CENDIKIA: Jurnal Ilmu Sosial, Bahasa dan Pendidikan*. Vol.5(1). Hal.274.

<sup>26</sup>) Fatimah Fatimah & Santi Aulia Rahma. (2025). Pengaruh Budaya Pop Global Terhadap Nilai dan Identitas Generasi Z pada Masa Kini. Vol.5(1). Hal.276.

<sup>27</sup>) Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*. Vol.35(4). 339-340.

serta hikmah di sebalik setiap hukum tersebut. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan kita gagal menghayati agama yang penuh dengan ajaran-ajaran yang mendalam.<sup>28</sup>

Tambahan pula, banyak yang sudah terpengaruh dengan fikiran liberal kerana kurangnya pengetahuan asas dan juga yang lebih parah lagi, apabila mereka mula belajar agama daripada 'Guru Online' yang tidak bertauliah dan hanya mengajarkan orang ataupun penonton dengan ilmu melalui kefahamannya sahaja.<sup>29</sup> Pemikiran seperti ini boleh menyebabkan orang lain terutamanya remaja, untuk berpendapat bahawa ajaran Islam ini hanyalah menyekat kebebasan mereka dan menganggap ia sebagai peraturan yang tegas dan bukannya sebagai panduan hidup.

### 3) Kesusahan dalam memilih antara kemahuan diri dan tuntutan Islam

Peringkat remaja merupakan peringkat yang penting bagi seseorang itu kerana ia adalah fasa penentuan. Jikalau dia memilih dan condong ke jalan yang positif, maka dia telah menyelesaikan salah satu keputusan penting dalam hidup. Akan tetapi, jikalau sebaliknya, maka dia telah memilih jalan yang sukar yang akan memberi impak dalam hidupnya yang akan datang. Tekanan untuk mengikuti gaya hidup moden yang serba bebas menjadikan mereka berasa terbelenggu dengan hukum-hakam Islam yang dianggap terlalu ketat dan menyekat kebebasan.<sup>30</sup>

Ada yang terjerumus ke dalam pergaulan bebas, hubungan haram, atau hiburan yang melampau semata-mata untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran dan tidak dianggap ketinggalan zaman. Lebih menyedihkan lagi, sebahagian remaja mula mempersoalkan kerelevanan hukum fiqh dalam kehidupan moden akibat konflik yang berpanjangan ini. Justeru itu, penting untuk membimbing remaja memahami bahawa batasan syariat sebenarnya bertindak sebagai pelindung dan bukannya penghalang, iaitu dengan memberikan penekanan kepada konsep kebebasan yang bertanggungjawab dalam Islam serta hikmah di sebalik setiap larangan.<sup>31</sup>

Sebagai ringkasan, tidak dinafikan bahawa remaja pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran baru setiap masa. Dengan adanya pelbagai tren-tren baru, konten-konten baru, apatah lagi media sosial yang sering menjadi tempat mereka meluahkan rasa bosan dan menghabiskan masa. Hal ini tidak boleh dipandang ringan oleh masyarakat kerana ini melibatkan pelapis generasi akan

---

<sup>28</sup>) Nurliana, SHI., MA. (2021). *FIQH IBADAH*. LPPM STAI DINIYAH PEKAN BARU. Hal.9-11.

<sup>29</sup>) Hj.Mohammad Arifin. (n.d). *Cabaran Akidah : Pemikiran Islam Liberal*. Jabatan Perdana Menteri: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Hal.17.

<sup>30</sup>) Nurussyhada & Nur Fatin Izzati. (n.d). *Perkembangan Personal, Sosial Dan Emosi Remaja*. Shahabuddin Hashim (Ed.). Universiti Sains Malaysia. Hal.27.

<sup>31</sup>) Sitti Romlah & Rusdi. (2023). Pendidikan Agama Islam Sebagai Pilar Pembentukan Moral Dan Etika. *Al-Ibrah*. Vol.8 (30). Hal.73-74.

datang.<sup>32</sup> Oleh itu, langkah-langkah untuk mengurangkan perkara ini daripada berterusan mestilah diimplementasikan. Walaupun ia tidak dapat dihapuskan secara menyeluruh, tetapi sekurang-kurangnya kita dapat menghadkannya pada kadar yang rendah agar tidak jadi seperti di negara barat.

## **APLIKASI *QAWAID FIQHIIYAH* DALAM PEMBANGUNAN REMAJA UNTUK MENCAPAI WAWASAN BRUNEI 2035**

Dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan perkembangan teknologi masa kini, pembangunan remaja menjadi aspek penting dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak dan berwawasan. *Qawaid Fiqhiyyah*, iaitu kaedah-kaedah fiqh yang disepakati ulama, berperanan sebagai panduan dalam menyelesaikan pelbagai isu kehidupan berdasarkan prinsip syariah.<sup>33</sup> Aplikasinya dalam kehidupan remaja dapat membantu membentuk pemikiran yang seimbang serta akhlak yang mulia. Ini amat relevan dalam usaha menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 yang menekankan pembangunan rakyat berpendidikan, berkualiti hidup tinggi dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran dunia moden yang semakin kompleks.

Seperti yang diketahui, terdapat lima *Qawaid Fiqhiyyah* utama atau dikenali sebagai *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Al-Kubra*. Oleh itu, kita akan melihat bagaimana kaedah-kaedah tersebut dapat diaplikasikan dalam pembangunan remaja untuk mencapai Wawasan Brunei 2035:

- 1) Membentuk niat dan matlamat yang jelas dengan kaedah 'الأمر بمقاصدها'

Maksud kaedah tersebut ialah setiap perbuatan manusia dinilai berdasarkan niatnya.<sup>34</sup> Dalam konteks pembangunan remaja, kaedah ini adalah penting dalam membimbing remaja untuk membina matlamat hidup yang jelas dan selaras dengan syariat Islam. Pada era globalisasi ini, terdapat pelbagai teknologi canggih dan hiburan yang bermacam-macam yang boleh mengelabui matlamat hala tuju hidup seseorang dan ini mempunyai kesan yang besar terhadap remaja kerana mereka sedang dalam fasa pembentukan identiti.<sup>35</sup>

---

<sup>32</sup>) Sila rujuk pada; Astari Clara Sari, Rini Hartina, Reski Awalia, Hana Irianti, Nurul Ainun. (2018). Komunikasi Dan Media Sosial. Hal.6; Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibubapa dan Anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*. Vol.35(4). Hal.338.

<sup>33</sup>) Prawitra Thalib. (2016). Pengaplikasian Qowaid Fiqhiyyah Dalam Hukum Islam Kontemporer. *Yuridika*. Vol.31(1). Hal.55.

<sup>34</sup>) Muhammad Sidqi. (2003). *Mausu'ah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Vol.1. Beirut: Muassasah Al-Risalah. Hal.124.

<sup>35</sup>) Naquiah Nahar, Sahrnzizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam & dll. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol.5(1). Hal.90.

Dengan mengajarkan diri berfikir dengan kaedah ini, ia boleh membuat mereka lebih peka dan berhati-hati dalam membuat keputusan dan menetapkan niat yang betul dalam setiap tindakan mereka. Kaedah ini juga mengajar mereka untuk membuat sesuatu perkara itu dengan keikhlasan dan kesedaran yang penuh.<sup>36</sup> Jikalau seseorang remaja itu dapat menggunakan kaedah ini sebaiknya, maka ia mampu untuk membina matlamat hidup yang jelas dan keperibadian yang kukuh.

Begitu juga dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Belia dan Sukan, mereka perlu tubuhkan pelan tindakan yang efektif untuk pembangunan remaja kerana masih ramai yang belum jelas arah tuju hidup mereka atau kurang pendedahan dalam membina keperibadian dan keyakinan diri. Oleh itu agensi-agensi kerajaan boleh bekerjasama dengan *NGO (non-profit organization)* seperti SCOT (*Society for Community Outreach and Training*) untuk membuat program pembangunan remaja dari semasa ke semasa. Ataupun dengan membuat kokurikulum setiap minggu khas untuk melatih kemahiran remaja agar mereka bukan sahaja mahir secara luaran tetapi juga matang dalam membuat keputusan berdasarkan niat dan nilai murni. Ini selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, bukan sahaja dari aspek akademik tetapi juga dari aspek akhlak.

## 2) Menjauhi perkara yang memudharatkan dengan kaedah 'الضرر يزال'

Kaedah ini bermaksud bahawa segala bentuk kemudharatan mestilah dihindari atau dihapuskan.<sup>37</sup> Ini adalah sangat relevan dalam pembangunan remaja kerana ia mengajar mereka untuk mengenal pasti akan perkara-perkara yang boleh membawa mudharat kepada diri mereka dan juga orang lain. Dalam konteks pembangunan remaja, kaedah ini sangat penting kerana terdapat ramai remaja yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang boleh memudharatkan diri mereka sendiri seperti contoh merokok, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.<sup>38</sup> Hal ini boleh berlaku kerana pengaruh rakan sebaya, media sosial dan juga kurangnya pemantauan dari keluarga.

Kaedah ini mengajarkan agar seseorang itu tidak membawa kerosakan kepada dirinya secara mental mahupun fizikal. Aplikasi kaedah ini bukan sahaja untuk menjaga mental dan fizikal mereka, tetapi juga untuk menjaga hubungan sosial dan masyarakat serta daripada perkara-perkara

---

<sup>36</sup>) Ahmad Zarqa. (1937). *Syarhu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Mustofa Ahmad Zarqa (Ed.). Damsyik: Darul Qolam. Hal.47.

<sup>37</sup>) Muhammad Mustofa Al-Zuhaili. (2006). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Wa-Tatbiqotiha Fi Al-Mazahib Al-Arba'ah*. Damsyik: Darul Fikri. Vol.1. Hal.210.

<sup>38</sup>) Sila rujuk pada; Satria Gobel, Rian Adi Pamungkas, Abdurasyid & dll. (2020). Bahaya Merokok Pada Remaja. *Jurnal Abdimas*. Vol.7(1). Hal.33 & Hardy Purbanto & Bahril Hidayat. (2023). Systematic Literature Review: Drug Abuse Among Adolescents In Psychological And Islamic Perspective. *Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan*. Vol.20(1). Hal.6.

kontemporari. Dengan menggunakan kaedah ini, remaja dapat menilai samaada perkara-perkara itu boleh membawa kemudharatan ataupun menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Hal ini juga harus dipandang serius oleh pemerintah negara kerana terdapat pelbagai isu remaja masa kini. Salah satunya adalah kadar obesiti dalam kalangan remaja yang semakin meningkat dan antara yang tertinggi di Asia Tenggara dan ini merupakan sebuah kemudharatan yang perlu dihapuskan. Kementerian Kesihatan perlu mengambil langkah lebih proaktif dalam mendekati remaja dengan program intervensi yang mesra belia, seperti kempen pemakanan sihat di sekolah, program senaman komuniti, dan bengkel kesedaran kesihatan. Selain itu, pihak sekolah juga mempunyai peranan dengan menyediakan lebih banyak aktiviti sukan seperti *mini-marathon*, senaman kardio dan juga senamrobik sekurang-kurangnya-tiga kali seminggu selama enam puluh minit.

Selain itu, terdapat juga kemudharatan yang mana terdapat sebilangan remaja terutamanya lelaki yang bersikap 'feminin' dan lembut. Isu ini menjadi perbincangan kerana agama Islam melarang untuk menyerupai seperti perempuan dari segi pakaian, sikap dan perbuatan. Fenomena ini bukan sahaja menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa, tetapi juga dalam masyarakat secara keseluruhan, kerana ia berkait rapat dengan identiti jantina dan pemahaman terhadap nilai-nilai agama. Oleh itu, agensi kerajaan seperti Pusat Khidmat Bakti Negara (PKBN) mempunyai peranan disini dengan mendidik mereka yang mempunyai masalah seperti ini dengan kursus pembinaan jati diri selama tiga bulan.

Terdapat juga isu pengangguran di Brunei Darussalam yang mana jumlah penganggur kebanyakannya daripada kalangan remaja dan belia dan juga graduan universiti. Kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan golongan muda menunjukkan bahawa terdapat jurang antara pendidikan dan kemahiran yang diperlukan di pasaran kerja. Isu ini merupakan suatu kemudharatan yang ketara di Brunei Darussalam kerana ia memberi kesan yang mendalam, bukan sahaja kepada ekonomi negara, tetapi juga kepada psikologi dan kestabilan sosial remaja yang berhadapan dengan cabaran mencari pekerjaan yang sesuai. Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri mempunyai peranan penting dalam mengatasi masalah ini dengan menyediakan pelbagai program latihan kemahiran, penempatan pekerjaan, dan sokongan kepada graduan baru. Antara langkah yang boleh dibuat ialah seperti penyesuaian kurikulum dengan industri, latihan dan pembangunan kemahiran dan juga penggalakan industri kreatif dan teknologi.

3) Kesukaran boleh membawa kepada kemudahan dengan kaedah 'المشقة تجلب التيسير'

Kaedah ini bermaksud bahawa apabila seseorang menghadapi kesukaran atau kesusahan dalam melaksanakan sesuatu tuntutan agama, maka syariat Islam akan memberi kemudahan untuk meringankan beban tersebut.<sup>39</sup> Ini mencerminkan bahawa Islam itu sendiri adalah agama yang mudah dan adil. Bagi golongan remaja, kaedah ini adalah sangat penting kerana ia dapat membantu mereka dalam menghadapi tekanan dan cabaran kehidupan moden ini. Remaja yang memahami kaedah ini tidak akan merasa terbeban dengan tuntutan syariat, sebaliknya akan melihat bahawa Islam sebagai sistem yang fleksibel dan adil untuk umatnya. Sebagai contoh, apabila seseorang itu hendak menunaikan solat dan dia rasa bahawa dia tidak mampu untuk berdiri kerana sakit kaki atau sudah tua, maka dalam hal ini, Islam memberikan keringanan untuk solat dalam keadaan duduk.<sup>40</sup>

Kalau dalam konteks kontemporari masa kini, terdapat ramai dari golongan remaja yang mempunyai masalah seperti keresahan (Anxiety), tekanan emosi dan juga kemurungan akibat tekanan akademik, keluarga dan sosial. Masalah ini dilihat semakin meningkat setiap tahun dan semakin membimbangkan. Oleh itu, adalah sangat digalakkan bagi pihak sekolah untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat kaunseling yang pakar dalam masalah ini seperti syarikat *Clarity Sdn Bhd* dan syarikat *In Mind Psychology* dengan menyediakan khidmat kaunseling secara percuma atau bersubsidi. Selain itu, pihak sekolah boleh memberi kelonggaran juga seperti mengurangkan beban akademik atau cuti belajar yang fleksibel untuk para remaja yang mempunyai masalah ini.

Melalui penggunaan kaedah ini, remaja akan memahami bahawa agama tidak membebankan, bahkan memberikan jalan keluar apabila keadaan menjadi sukar. Ini memberikan mereka ketenangan jiwa, meningkatkan motivasi, dan menjadikan mereka lebih positif serta yakin terhadap ajaran agama dan secara langsung juga ia akan menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

#### 4) Mengamalkan adat yang bersesuaian dengan kaedah 'العادة المحكمة'

Ia bermaksud bahawa setiap adat atau kebiasaan yang diamalkan secara meluas oleh masyarakat itu boleh dijadikan asas dalam menetapkan hukum, selagi mana tidak bertentangan dengan hukum syarak.<sup>41</sup> Ini menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf realiti kehidupan dan budaya setempat,

---

<sup>39</sup> Muhammad bin Solih As-Syawi. (2022). *At-Tuhfah Al-Makiyyah Fi Taudhih Ahammi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p). Hal.48.

<sup>40</sup>(Abu Salsabil Abdul Fattah. (2018). *Al-Risalah An-Nadiah Fi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Mesir: Maktabah Al-Ulum Wa Al-Hukum. Hal.56.

<sup>41</sup> Solih Al-Asmari. (2000). *Majmu'ah Al-Fawaid Al-Bahiyah 'Ala Manzhumah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Arab Saudi: Dar Al-

asalkan ia tidak melanggar batas-batas hukum Allah. Dalam konteks pembangunan remaja, kaedah ini penting untuk membantu mereka menyesuaikan diri dengan budaya semasa, seperti gaya hidup, cara berpakaian, cara berkomunikasi dan sebagainya.

Kaedah ini mengajar remaja agar tidak menolak adat atau budaya secara keseluruhan, akan tetapi mengajar mereka untuk menselaraskan budaya dengan nilai Islam.<sup>42</sup> Ini adalah kerana terdapat ramai remaja yang masih lemah dalam bab akidah dan seterusnya bertanyakan tentang hal ini pada tempat yang tidak sepatutnya seperti media sosial atau guru yang mengajar ajaran sesat. Jika dibiarkan, ia akan menghancurkan akidah remaja tersebut dan ia akan terpengaruh dengan budaya atau amalan yang bertentangan dengan syarak. Oleh itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama perlu menyediakan pelan dalam mendidik remaja tentang agama Islam dengan cara yang betul seperti pendidikan akidah yang kukuh sejak awal, program kesedaran di sekolah dan juga mengimarahkan masjid-masjid dengan mengadakan aktiviti yang boleh menarik perhatian remaja.

5) Bertindak dengan keyakinan dengan kaedah *'اليقين لا يزول بالشك'*

Kaedah ini bermaksud keyakinan tidak hilang hanya kerana adanya keraguan.<sup>43</sup> Dalam hukum Islam, keyakinan lebih kuat daripada sangkaan atau syak, dan ia menjadi asas penting dalam menjaga kestabilan hukum serta tindakan harian seseorang Muslim. Kaedah ini penting bagi remaja kerana ia melatih mereka untuk membuat dengan penuh yakin dan juga dalam menghadapi cabaran di zaman yang mana berita palsu serta maklumat tidak sahih sering tersebar di media sosial. Antara contoh untuk kaedah ini adalah apabila seseorang itu telah mengambil wudhu, namun ketika hendak solat dia rasa waswas samaada dia telah mengambil wudhu atau tidak. Maka dengan kaedah ini, selagi dia yakin telah mengambil wuduk, maka keyakinan itu tidak hilang hanya kerana ragu.<sup>44</sup>

Pada masa ini, terdapat bermacam-macam tren yang viral akibat pengaruh media sosial. Kebanyakan tren ini adalah sangat tidak berfaedah dan ada juga yang boleh menimbulkan dosa maksiat seperti berjoget atau menari di khalayak penonton media sosial. Tren-tren seperti ini akan mudah diikuti oleh golongan muda kerana mereka lebih tertarik dengan perkara-perkara baru

---

Somi'ie. Hal.93.

<sup>42</sup>) Saiful Jazil. (n.d). Al-'Adah Dan 'Urf Sebagai Metode Istinbat Hukum Islam. *Prosiding Halaqoh Nasional & Seminar Internasional Pendidikan Islam*. Hal.320.

<sup>43</sup>) Hamad bin Abdullah bin Abdul Aziz Al-Hamad. (n.d). *Syarh Manzhumah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Li Al-Sa'di*. (n.p). Vol.3. Hal.2.

<sup>44</sup>) Eva Nur Hopipah & Aah Tsamratul Fuadah. (2023). Kaidah Al-Yaqinu Laa Yuzaalu Bisyakkin: Keyakinan Tidak Dapat Dihapuskan Dengan Keraguan. *Hikamia: Journal Idrisiyyah*. Vol.3(2). Hal.94.

sehingga mereka lupa akan hukum-hakam tentang tren tersebut. Oleh itu, Jabatan Mufti Kerajaan Brunei mempunyai peranan yang penting disini dalam memberi fatwa hukum tentang tren-tren yang viral di media sosial. Dengan cara ini, golongan umum dan remaja dapat tahu tentang tren yang boleh dibuat dan yang tidak boleh dibuat tanpa meragukan hukumnya kerana bukan semua tren adalah haram, ada juga yang masih boleh diikuti oleh masyarakat.

Secara ringkasnya, kesemua kaedah yang digunakan tadi adalah 5 kaedah utama yang disepakati oleh ulama-ulama. Walaupun pada hakikatnya, terdapat banyak kaedah *Furu'* (cabang) yang mana kebanyakannya zahir daripada 5 kaedah tersebut.<sup>45</sup> Akan tetapi, lima kaedah ini adalah kaedah yang asas yang sering digunakan kerana ia relevan dan praktikal dalam membentuk generasi remaja yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing. Kaedah-kaedah ini juga bukan sahaja membantu remaja, ia juga boleh membantu agensi-agensi kerajaan untuk merangka langkah-langkah yang boleh membawa kepada pembangunan remaja yang efektif dan secara langsung kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berakhlak, dan berkualiti hidup tinggi demi kesejahteraan negara dan umat.

## KESIMPULAN

*Qawaid Fiqhiyyah* adalah merupakan aturan atau panduan yang bersifat menyeluruh yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang tidak dijelaskan secara langsung dalam Al-Quran atau Sunnah. Terdapat lima *Qawaid Fiqhiyyah* yang utama yang digunakan dalam penulisan kerana ianya adalah relevan dalam pembangunan belia untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Kesemua kaedah-kaedah yang digunapakai itu tadi mempunyai hubungan yang signifikan dalam pembentukan keperibadians seseorang individu itu kerana ia bukan sahaja mengajar mengenai prinsip Islam semata-mata, akan tetapi juga melatih mereka untuk menggunakan pemikiran yang kritikal untuk menghadapi masalah-masalah seharian dan kontemporari.

Namun, fasa remaja ini merupakan fasa yang mana remaja mudah terpengaruh kepada isu-isu sosial. Cabaran-cabaran ini menyebabkan susahnyanya untuk mengaplikasikan *Qawaid Fiqhiyyah* secara efektif untuk pembangunan remaja. Oleh itu, agensi-agensi kerajaan, seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), boleh menggunakan kaedah-kaedah fiqh dalam pembangunan remaja. Ini

---

<sup>45</sup>) Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Mabadi 'Ilmu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p). Hal.22.

adalah kerana kaedah-kaedah fiqh adalah bersesuaian dan mempunyai kesan yang positif dalam pembangunan remaja pada masa kini. Ini adalah kerana kaedah-kaedah tersebut membantu pihak kerajaan dalam menggariskan pelan pembangunan remaja yang efektif dan secara langsung membawa kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim

Abdul Karim Zaidan. (2001). *Al-Wajiz Fi Syarhi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Fi As-Syariah Al-Islamiyyah*. 1 (ed.). Beirut: Muassasah Ar-Risalah.

Abu Salsabil Abdul Fattah. (2018). *Al-Risalah An-Nadiyah Fi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Mesir: Maktabah Al-Ulum Wa Al-Hukum.

Ahmad bin Muhammad Az-Zarqa. (1938). *Syarhu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Beirut: Darul Qalam. (2).

Ahmad Zarqa. (1937). *Syarhu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Mustofa Ahmad Zarqa (Ed.). Damsyik: Darul Qolam.

Ali Ahmad An-Nadwi. (1994). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. 3 (ed.). Damsyik: Dar Al-Qolam.

Astari Clara Sari, Rini Hartina, Reski Awalia, Hana Irianti, Nurul Ainun. (2018). Komunikasi Dan Media Sosial.

Eva Nur Hopipah & Aah Tsamratul Fuadah. (2023). Kaidah Al-Yaqinu Laa Yuzaalu Bisyakkin: Keyakinan Tidak Dapat Dihapuskan Dengan Keraguan. *Hikamia: Journal Idrisiyyah*. Vol.3(2).

Fatimah Fatimah & Santi Aulia Rahma. (2025). Pengaruh Budaya Pop Global Terhadap Nilai dan Identitas Generasi Z pada Masa Kini. *CENDIKIA: Jurnal Ilmu Sosial, Bahasa dan Pendidikan*. Vol.5(1).

Hamad bin Abdullah bin Abdul Aziz Al-Hamad. (n.d). *Syarh Manzhumah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Li Al-Sa'di*. (n.p). Vol.3.

Hardy Purbanto & Bahril Hidayat. (2023). Systematic Literature Review: Drug Abuse Among Adolescents In Psychological And Islamic Perspective. *Al-Hikmah: Jurnal Agama dan Ilmu Pengetahuan*. Vol.20(1).

Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak Dan Keperibadian Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal Of Social Sciences and Humanities*. Vol.17(9).

- Hj.Mohammad Arifin. (n.d). *Cabaran Akidah : Pemikiran Islam Liberal*. Jabatan Perdana Menteri: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Mabadi 'Ilmu Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p).
- Ismail Abdu 'Abbas. (n.d). *Nazharat Fi 'Ilmi Al-Qawaid*. (n.p).
- Jabatan Perdana Menteri. (n.d). *Wawasan Brunei 2035: How to Wawasan*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perdana Menteri.
- Mohammad Muslihuddin Syah. (2019). Penerapan Nilai Akhlak Dalam Menjana Pembangunan Belia. *Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau*. Seri Begawan Religious Teachers University College.
- Muhammad bin Solih As-Syawli. (2022). *At-Tuhfah Al-Makiyyah Fi Taudhih Ahammi Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. (n.p).
- Muhammad Haziq Bin Saharuddin & Sahlawati Abu Bakar. (2018). Konsep Keperibadian Remaja Menurut Perspektif Al Quran. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAHA 2018)*.
- Muhammad Mustofa Al-Zuhaili. (2006). *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah Wa-Tatbiqotiha Fi Al-Mazahib Al-Arba'ah*. Damsyik: Darul Fikri.
- Muhammad Sidqi. (2003). *Mausu'ah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Vol.1. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam & dll. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol.5(1).
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibumbapa dan Anak-anak. *Malaysian Journal of Communication*. Vol.35(4).
- Nurliana, SHI., MA. (2021). *FIQIH IBADAH*. LPPM STAI DINIYAH PEKAN BARU.
- Nurusyuhada & Nur Fatin Izzati. (n.d). *Perkembangan Personal, Sosial Dan Emosi Remaja*. Shahabuddin Hashim (Ed.). Universiti Sains Malaysia.
- Prawitra Thalib. (2016). Pengaplikasian Qowaid Fiqhiyyah Dalam Hukum Islam Kontemporer. *Yuridika*. Vol.31(1).
- Saiful Jazil. (n.d). Al-'Adah Dan 'Urf Sebagai Metode Istinbat Hukum Islam. *Prosiding Halaqoh Nasional & Seminar Internasional Pendidikan Islam*.
- Satria Gobel, Rian Adi Pamungkas, Abdurrasyid & dll. (2020). Bahaya Merokok Pada Remaja. *Jurnal Abdimas*. Vol.7(1).
- Sitti Romlah & Rusdi. (2023). Pendidikan Agama Islam Sebagai Pilar Pembentukan Moral Dan

Etika. *Al-Ibrah*. Vol.8 (30).

Solih Al-Asmari. (2000). *Majmu'ah Al-Fawaid Al-Bahiyyah 'Ala Manzhumah Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Arab Saudi: Dar Al-Somi'ie.

Syarifuddin. (2014). Hubungan Antara Hukum Dengan Moral Dalam Islam. *Tahkim*. Vol.10 (1).

Wilga Secsio Ratsja Putri, R. Nunung Nurwati, & Meilanny Budiarti S. (2019). Pengaruh Media Sosial Terhadap Perilaku Remaja. *PROSIDING KS: Riset & PKM*. Vol.3(1).

## LAMAN SESAWANG

- Gov.bn.  
<https://www.gov.bn/SitePages/Wawasan%20Brunei%202035.aspx#:~:text=The%20thirteen%20%2813%29%20strategies%20that%20have%20been%20identified,business%20development%2C%20%28vi%29%20infrastructure%20development%2C%20%28vii%29%20social%20> .
- <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=221&ContentTypeId=0x0100AB69AA555002494AB2FB40905279B027>
- <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/sitepages/new-goal-1.aspx>
- Pelita Brunei.  
<https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Rencana/NewDisplayForm.aspx?ID=221&ContentTypeId=0x0100AB69AA555002494AB2FB40905279B027>
- Wawasan Brunei 2035.  
<https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/Our%20Strategy.aspx> .
- Wawasan Brunei 2035. <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/wb35-framework.aspx>
- World Health Organization. [https://www.who.int/health-topics/adolescent-health/#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/adolescent-health/#tab=tab_1)
- Wawasan Brunei 2035. <https://www.wawasanbrunei.gov.bn/SitePages/faqs.aspx>



# The 4th ICONITIES

Faculty of Adab and Humanities  
UIN Sunan Ampel Surabaya, Indonesia

*"Exploring Islamic Civilization  
through Language and Literature:  
Tracing History and Shaping the Future"*